

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Half of Mestec R&D funds to go to experimental research/ Ministry to allocate half of R&D funds to experimental research</u> The Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (Mestec) will begin allocating at least 50 per cent of research and development funds to experimental research next year. “If Malaysia wants to be a leader in creating new technology that is needed by society and also profitable, we have to work towards the direction where research and development will no longer be limited to academia. But, it will be done through collaboration with industries,” said Minister Yeo Bee Yin after closing the two-day World Engineering, Science and Technology Congress (Estcon 2018) at the Kuala Lumpur Convention Centre today.	New Straits Times	Rujuk lampiran 1 atau klik pada tajuk berita
2.	<u>Govt to continue electricity rebate for bills under RM20 — Yeo</u> The government will continue with the rebate programme for electricity bills below RM20 even as it continues to find a new mechanism so that any subsidy is only enjoyed by the needy. Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said for the time being the electricity bill subsidy would continue to benefit all groups even though some are not eligible. “There are people having bungalows, terrace houses and condominiums but do not live in the house which cause the electricity bill to dip below RM20 and they do not need the RM20 rebate,” she said when winding up the Supply (Reallocation of Appropriated Expenditure) Bill for her Ministry at Dewan Rakyat today.	The Edge Market	Klik pada tajuk berita

3.	<u>Sepuluh dana R&D 2019 untuk penyelidikan eksperimen</u> Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar akan memastikan separuh daripada dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) diperuntukkan untuk pelaksanaan penyelidikan eksperimen bermula tahun depan. Menterinya, Yeo Bee Yin berkata, perkara itu penting bagi memastikan dana yang diperuntukkan bagi R&D digunakan dengan sebaiknya. “Dalam konteks Malaysia, R&D buat masa ini terlalu menumpukan terhadap penyelidikan akademik tetapi hasil penyelidikan itu tidak diguna sepenuhnya bagi tujuan berkaitan industri. “Malah tahun lalu, 70.5 peratus dana R&D yang diperuntukkan terlalu tertumpu terhadap penyelidikan gunaan berbanding 8.6 peratus untuk penyelidikan eksperimen.	Berita Harian	Rujuk lampiran 2 atau klik pada tajuk berita
4.	<u>Kerajaan teruskan rebat bil elektrik RM20 ke bawah</u> Kerajaan akan meneruskan program rebat bagi caj bil elektrik RM20 ke bawah, namun mencari mekanisme baharu agar subsidi itu hanya diterima golongan yang memerlukan. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata pada masa ini, subsidi bil elektrik turut dinikmati semua golongan meskipun mereka bukan dalam kalangan yang layak.	BERNAMA	Klik pada tajuk berita
5.	<u>Kerajaan teruskan rebat bil elektrik RM20 ke bawah</u> Kerajaan akan meneruskan program rebat bagi caj bil elektrik RM20 ke bawah, namun mencari mekanisme baharu agar subsidi itu hanya diterima golongan yang memerlukan. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata pada masa ini, subsidi bil elektrik turut dinikmati semua golongan meskipun mereka bukan dalam kalangan yang	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita

	layak. Rang Undang-Undang itu memperuntukkan sejumlah RM101,874,289 kepada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.		
6.	<u>K'jaan teruskan rebat bil elektrik RM20 ke bawah</u> Kerajaan akan meneruskan program rebat bagi caj bil elektrik RM20 ke bawah, namun mencari mekanisme baharu agar subsidi itu hanya diterima golongan yang memerlukan. Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin berkata pada masa ini, subsidi bil elektrik turut dinikmati semua golongan meskipun mereka bukan dalam kalangan yang layak. "Ada orang ada banglo, rumah teres, kondominium tapi tidak tinggal di rumah itu menyebabkan bil elektrik mereka berada pada kadar RM20 ke bawah dan mereka bukanlah orang yang memerlukan RM20 itu," katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.	Malaysia Kini	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Tanam 1,000 pokok</u> Peranan pokok amat penting dalam menstabilkan iklim dunia dan mengelakkan bencana alam yang boleh memberi kesan buruk kepada manusia. Bagaimanapun, angkara kerakusan manusia itu sendiri menyebabkan banyak kawasan hijau diteroka secara berleluasa. YaHijau adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dibawah MESTECC yang tujuan penubuhannya untukmempromosi, mendidik belia mengenai kepentingan teknologi hijau dan manfaatnya terhadap kehidupan yang mapan melalui pelbagai program serta aktiviti yang dijalankan pertubuhan terbabit.	Harian Metro	Rujuk lampiran 3

8.	<u>Kesedaran teknologi hijau masih rendah</u> Teknologi hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia termasuk mengurangkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau (GHG) yang rendah atau sifar serta selamat untuk digunakan. Tambah Mohd Azman, GreenTech Malaysia bawah Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar ditubuhkan untuk meneraju pembangunan dan promosi teknologi hijau sebagai enjin strategik bagi pertumbuhan sosioekonomi sejajar dengan Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
9.	<u>SIRIM, Go Auto jalin kerjasama dalam bidang automotif</u> Pengedar kenderaan utiliti sukan (SUV) Haval di Malaysia, Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd (Go Auto) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan SIRIM Berhad (SIRIM) bagi menjalin kerjasama strategik dalam bidang automotif. Kerjasama jangka masa panjang itu merangkumi pembangunan dan peningkatan produk, teknologi, tenaga manusia dan pasaran atau industri. Ia termasuk membabitkan pengeluaran kenderaan elektrik (EV) selain pembangunan kapasiti bateri dan Internet untuk Segalanya (IoT) bagi kenderaan di negara ini. Pengarah Eksekutif Go Auto Group, Datuk SM Azli SM Nasimuddin, berkata kerjasama itu membantu pihaknya memperoleh akses kepada kemudahan penyelidikan SIRIM.	Berita Harian	Rujuk lampiran 5 atau klik pada tajuk berita
10.	<u>GAM, SIRIM seal tie-up</u> Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd (GAM) and SIRIM Bhd have signed a memorandum of understanding to form a long-term strategic collaboration and partnership. In a joint statement	New Straits Times	Rujuk lampiran 6

	yesterday, GAM and SIRIM said the collaboration would encompass the development and improvement of products, technology, people and the industry.		
11.	<u>Go Auto dan SIRIM jalin kerjasama strategik jangka panjang</u> Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd (GAM) dan SIRIM Bhd menandatangani Memorandum Persefahaman untuk mewujudkan kerjasama dan perkongsian strategik jangka panjang. Dalam kenyataan bersama hari ini, GAM dan SIRIM berkata, kerjasama itu akan merangkumi pembangunan dan penambahbaikan produk, teknologi, pihak terlibat dan industri. Ia juga membolehkan GAM mengakses kemudahan penyelidikan SIRIM manakala pada masa yang sama kerjasama dalam kepakaran teknikal, pemindahan teknologi dan latihan teknikal akan membolehkan mereka menghasilkan projek atau produk. Rasionalisasi kerjasama itu dijangkakan selesai dalam tempoh dua tahun selepas ditandatangani.	BERNAMA	Klik pada tajuk berita
12.	<u>SIRIM sedia terajui usaha ke arah Industri 4.0</u> Sirim Bhd. berada pada kedudukan yang tepat untuk menerajui industri Malaysia ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0). Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, Sirim akan terus menyokong aspirasi dan usaha kerajaan dalam meng-u-- bah perniagaan Malaysia untuk menghadapi cabaran Industri 4.0. Beliau berkata, Sirim berazam untuk memanfaatkan Program Pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) SIRIM serta Industri 4.0 dalam Additive Manufacturing, Artificial Intelligence, Smart Manufacturing dan Internet of Things (IOT). "Antara bidang kerjasama termasuk pembangunan dan penambahbaikan keupayaan dan kapasiti bateri cas semula ber-asaskan lithium ion untuk menggantikan bateri	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7 atau klik pada tajuk berita

	asid plumbum di pasaran automotif, pembangunan teknologi kenderaan hijau termasuk bateri untuk basikal dan motosikal serta pembangunan bateri sodium ion sebagai alternatif kepada bateri lithium ion.		
13.	<u>JAS Negeri Sembilan bawa 19 kes alam sekitar ke mahkamah</u> Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri merekodkan sebanyak 19 kes kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sehingga Julai tahun ini. Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S.Veerapan berkata, daripada jumlah itu 12 kes telah selesai dijatuhkan hukuman manakala enam kes di peringkat sebutan dan satu kes masih dalam siasatan. “Mengikut peruntukan akta berkenaan, 11 kes merupakan kesalahan di bawah Seksyen 25(1) iaitu melepaskan efluen perindustrian melebihi had ditetapkan.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Malaysia alami cuaca panas</u> Beberapa kawasan dan negeri di negara ini mengalami cuaca panas serta kering sepanjang Ogos sehingga pertengahan bulan depan ekoran fasa Monsun Barat Daya mendominasi keadaan itu sepanjang tempoh berkenaan. Menurut Jabatan Meteorologi pada Ogos ini, kebanyakan tempat di Semenanjung dijangka menerima hujan pada paras normal antara 150 hingga 200 milimeter (mm) manakala beberapa kawasan di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kuala Lumpur dan Putrajaya menerima hujan dibawah paras normal 100 hingga 150mm.	KOSMO	Rujuk lampiran 8

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
15.	<u>PBB disaran rangka garis panduan penggunaan teknologi</u> Garis panduan dan peraturan penggunaan teknologi perlu diwujudkan bagi mengelak ia disalahguna sekali gus menyebabkan kemudaratan kepada masyarakat. Nobel Laureate serta Usahawan Sosial dan Pengasas Grameen Bank, Prof Muhammad Yunus, berkata peraturan itu penting selaras perkembangan teknologi setiap hari. “Teknologi memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita, namun ia tetap memberi kesan baik dan buruk kepada masyarakat.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
16.	<u>Launching UiTM to the satellite arena</u> The communication between Universiti Teknologi Mara's (UiTM) satellite ground station and UiTMSAT-1 was expected to be established within the first 24 hours, which would be the most critical hours for the team. UiTM ground station received the first acquisition signal from the nanosatellite on Aug 11 at 10.20am.	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
17.	<u>Education is not just about science</u> Education is not just about science; it is also for developing thinking skills, norms, values and moral and ethical fortitude that would lead to development of good character. No doubt science is very important but it is only a part of the compendium in the educative process. The other subjects are equally important in the spectrum of knowledge transfer and in inculcating understanding of natural and man-made phenomena. Therefore, religious studies should not be condescendingly regarded as having low educational value compared to science. All of these subjects are pertinent in providing a holistic perspective of knowledge, its meanings and values.	The Star	Rujuk lampiran 10 atau klik pada tajuk berita

18.	<u>Politeknik Malaysia menyerlah di pentas antarabangsa</u> Politeknik Malaysia mencatat pencapaian membanggakan, apabila pasukan pelajarinya muncul penerima pingat emas paling banyak sempena 23rd FIRA RoboWorld Cup 2018 yang berlangsung di Taichung, Taiwan, hari ini. Unit Komunikasi Korporat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam suatu kenyataan media di sini hari ini, menjelaskan, pertandingan disertai 1,200 pelajar dari 10 negara itu menyaksikan Politeknik Malaysia memenangi sembilan pingat emas mengenyepikan Indonesia (lima), China (lima), Taiwan (empat), Korea (dua) dan masing-masing satu Brazil, Rusia dan Filipina.	Berita Harian	Rujuk lampiran 11
19.	<u>Orang ramai dinasihat banyak minum air ekoran jerebu</u> Kerajaan negeri Pulau Pinang menasihatkan orang ramai supaya mengambil lebih air minuman berikutan keadaan berjerebu disini. Setakat pukul 3 petang semalam, dua stesen di pulau ini mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (API) pada tahap baik iaitu 47 dan 42 masing-masing di Balik Pulau dan Universiti Sains Malaysia (USM) manakala tahap API sederhana dicatat di Sebrang Jaya (52) dan Perai (54).	KOSMO	Rujuk lampiran 12
20.	<u>Laut penting sebagai pengimbang suhu dunia</u> Lautan yang terbentang luas merupakan kurniaan Ilahi yang sangat penting kepada kehidupan manusia dan dunia umumnya. Keluasan lautan secara keseluruhan adalah kira-kira 361,132,000 kilometer persegi atau hampir tiga per empat daripada keluasan bumi. Pengkaji lautan atau ahli aseanografi telah membahagikan lautan utama dunia kepada lima iaitu Lautan Pasifik, Lautan Atlantik, Lautan Hindi, Lautan Artik dan Lautan Selatan.	KOSMO	Rujuk lampiran 13

21.	<u>KVC wins big in Seoul</u> Winning four gold medals and four special awards at the World Invention Innovation Contest (WiC) in Seoul was the best ever achievement by a group of teachers and students from Keningau Vocational College (KVC) recently.	New Straits Times	Rujuk lampiran 14
22.	<u>Malakoff, Touch Meccanica extend MoU on green energy</u> Malakoff Corp Bhd, which has signed a memorandum of understanding (MoU) with Touch Meccanica Sdn Bhd to co-develop two energy projects, said the parties have mutually agreed to extend the MoU period for six months, from July 7, 2018 to Jan 7, 2019. Earlier this year, the power producer said the projects, namely large scale solar photovoltaic and small hydro power in Pahang, would have an estimated total development cost of RM1.3 billion.	The Sun	Rujuk lampiran 15 atau klik pada tajuk berita
23.	<u>Mara bersedia jadi peneraju lahir tenaga mahir industri aeroangkasa</u> Majlis Amanah Rakyat (Mara) bersedia menjadi pene-rajua menyediakan tenaga kerja mahir dalam industri ae--ro-angkasa yang semakin berkembang menerusi pelbagai latihan kemahiran yang disediakan oleh agensi berkenaan. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Ban-dar, R. Sivarasa berkata, langkah ter-sebut selaras dengan objektif Pelan Induk Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 yang mahu menja-dikan Malaysia sebagai se-bu-ah negara ae-roangkasa terkemuka di Asia Tenggara.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
24.	<u>Permukaan Lombok meningkat 25 sm</u> Saintis Agensi Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik (Nasa) dan Institut Teknologi California mendapati beberapa siri gempa menggegarkan Lombok telah menyebabkan permukaan pulau peranginan itu meningkat kepada 25 sentimeter (sm). Perkara itu disahkan menerusi imej satelit untuk membuat peta bagi mengukur perubahan bentuk tanah akibat gempa kuat di Lombok. "Berdasarkan corak kecacatan pada peta, saintis telah memutuskan bahawa pergerakan antara bahagian barat laut pulau itu yang dekat dengan pusat gempa menyebabkan kenaikan permukaan tanah kira-kira 25 sm.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 16 atau klik pada tajuk berita
25.	<u>SpaceX vows manned flight to space station is on track</u> Tech magnate Elon Musk's SpaceX vowed Monday to send its first astronauts into orbit on schedule next year—part of a drive to restore America's dominance of the space race. Gwynne Shotwell, the aerospace manufacturer's president, told journalists in Los Angeles an unmanned flight to the International Space Station in November would pave the way for a manned mission in April 2019. "Predicting launch dates could make a liar out of the best of us. I hope I am not proven to be a liar on this one," she said. NASA awarded contracts to SpaceX and Boeing in 2014 as part of its commercial crew program, aimed at helping private industry build spaceships to reach low-Earth orbit.	The Star	Rujuk lampiran 17
26.	<u>Typhoon Bebinca likely to make landfall in Guangdong</u> Bebinca, this year's 16th typhoon, is likely to make landfall in South China's Guangdong province on Tuesday night, according to local meteorological authorities. The typhoon is expected to circle offshore before reaching western coastal areas of Guangdong. Downpours have been forecast in west	The Star	Rujuk lampiran 18

	Guangdong and cities in the Pearl River Delta from Monday night to Thursday. Bebinca will also bring gales and heavy rain to the island province of Hainan from Monday to Wednesday. Meteorological authorities in Guangdong and Hainan both issued alerts over potential rain-triggered natural disasters, such as floods, mudslides and landslides.		
27.	<u>Fukushima nuclear statue ignites online furore</u> A giant statue of a child wearing a radiation suit in the Japanese city of Fukushima has touched off a storm of criticism online as the nuclear-hit area seeks to rebuild its reputation. “Sun Child”, a 6.2-metre (20-foot) figure sporting a yellow protective suit with a digital display on its chest showing “000” – symbolising no nuclear contamination – was installed this month near the city’s train station. The figure holds a helmet in one hand, showing the air is safe to breathe, and a symbol of the sun in the other, representing hope and new energy. Its creator, Japanese artist Kenji Yanobe, intended the statue to be a symbol of hope but critics said it was insensitive to the plight of Fukushima as it continues to struggle with radioactive contamination from the 2011 meltdown. “I saw Kenji Yanobe’s ‘Sun Child’. It was truly creepy. I think it derides us and all the work Fukushima has done to erase reputational harm,” said one Twitter user.	Malay Mail	Rujuk lampiran 19
28.	<u>Stop climate change, don’t ‘adapt’ to it</u> While I appreciate your work in keeping the spotlight on the global heatwave (World on fire: the rise of the 50C city, G2, 13 August), I’m scared by the emphasis of your correspondents and leader writers on “adapting” to climate change (Letters, 11 July). You don’t “adapt” to a raging fire, do you? You have to stop it. And the first thing you need to do is stop pouring fuel on it. Leading scientists worldwide now agree that the main cause of the climate crisis is the burning of fossil fuels, and leading economists agree that the solution is to price fossil fuels out of the	The Guardian	Klik pada tajuk berita

	market. Until that happens, we will be paying – with our health, our lives and our children’s future.		
29.	<u>Three Reasons Every Business Should Consider Voice Technology</u> Voice technology is transforming how we work, shop, search, text, email, access media and control devices, among countless other tasks. It has huge potential to transform how we run our businesses, as well as how we interact with our customers and employees and add value to their lives. Increasingly, voice technology is everywhere. It’s here to stay, and its footprint is growing at a breakneck pace. As the CEO of a software design and development firm, I’ve been watching its growth at close range, working with clients to integrate voice into mobile and web apps and other products. But voice technology is no longer just the province of technology-focused businesses.	Forbes	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Claimed power price cuts from energy guarantee are 'virtually meaningless'</u> The Turnbull government is trumpeting power price reductions as a consequence of its national energy guarantee – but a new analysis says subsidies for coal-fired power stations will render those forecasts “virtually meaningless”. The government has failed to rule out the building of new coal plants as a consequence of its underwriting of new power generation, and Labor declaring that development a deal breaker. A new paper from the Australia Institute’s chief economist, Richard Denniss, identifies nine things that could derail the Energy Security Board’s price drop projections.	The Guardian	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (NATION): MUKA SURAT 11
TARIKH: 15 OGOS 2018 (RABU)

ECOSYSTEM

Ministry to allocate half of R&D funds to experimental research

KUALA LUMPUR: The Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (Mestec) will allocate at least 50 per cent of research and development funds to experimental research beginning next year.

"If Malaysia wants to be a leader in creating new technology that is needed by the society and is profitable, we have to work towards the direction where research and development is no longer limited to the academia. Instead, it will be done through collaboration with the industries," said its minister, **Yeo Bee Yin**, after closing the two-day World Engineering, Science and Technology Congress (Estcon 2018) at the Kuala Lumpur Convention Centre here yesterday.

"As a government, we are not



13 - 15 August 2018 | Kuala Lumpur Convention Centre
SCIENCE, TECHNOLOGY & HUMANITIES: REINVENTING THE FUTURE
ESTCON 2018
WORLD ENGINEERING, SCIENCE & TECHNOLOGY CONGRESS

Organised by



here to make money, but to create an ecosystem that encourages industries to thrive and allows talents to grow," she said.

"Research and development in Malaysia focuses on academic research, but the outcome of the research is not utilised in related industries.

"This has deterred the development of advanced technologies and products."

Last year, she said, 70.5 per cent of research and development expenditure was spent on

applied research and only 8.6 per cent was allocated to experimental research.

"Viewed from another perspective, 78.1 per cent of our researchers work at institutions of higher learning, while only 12.3 per cent work in the private sector.

"As a comparison, 50.5 per cent of researchers in Singapore work with private companies. In South Korea, 79.7 per cent of researchers work in the private sector.

"It is not the technology that



Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin (centre) with Nobel Laureate, social entrepreneur and founder of Grameen Bank Professor Muhammad Yunus (left) and Universiti Teknologi Petronas Vice-Chancellor Professor Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib at Estcon 2018 in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY MOHD YUSNI ARIFFIN

counts. It is the process and ecosystem that count.

"If we have an ecosystem that is supportive of new technologies, which allows industries to develop quickly in this fast-changing world, we will be able to overcome the challenges we may face in this disruptive and ever-changing world."

More than 1,000 research and innovation experts from 40 countries participated in Estcon 2018.

The event was organised by Universiti Teknologi Petronas, with the support of Mestec, the Education Ministry, Academy of Sciences Malaysia, Sirim Bhd and Yayasan Universiti Teknologi Petronas.

LAMPIRAN 2
BERITA HARIAN (PERSIDANGAN): MUKA SURAT 13
TARIKH: 15 OGOS 2018 (RABU)



Bee Yin beramah mesra dengan Penerima Nobel, Pengasas Grameen dan Yunus, Prof Muhammad Yunus (kiri) dan Mohamed Ibrahim (kanan) pada ESTCON 2018 di Kuala Lumpur, semalam.



Bermula tahun depan, kementerian akan memastikan separuh dana diperuntukkan untuk R&D akan fokus penyelidikan eksperimen pihak industri”

Yeo Bee Yin,
Menteri Tenaga, Teknologi, Sains,
Perubahan Iklim dan Alam Sekitar

Separuh dana R&D untuk eksperimen pihak industri

➔ Kerajaan pastikan peruntukan bagi fokus penyelidikan tahun depan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
moht_iskandar@nstp.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar akan memastikan separuh daripada dana penyelidikan dan pembangunan



(R&D) yang diperuntukkan kepada kementerian ini, digunakan untuk melaksanakan penyelidikan dan eksperimen bermula tahun depan.

Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin, berkata perkara itu penting bagi memastikan dana diperuntukkan untuk tujuan R&D digunakan dengan sebaiknya.

“Dalam konteks Malaysia, R&D buat masa ini terlalu menumpukan penyelidikan akademik, tetapi hasil penyelidikan itu tidak diguna sepenuhnya ba-

gi tujuan berkaitan industri.

Penyelidikan eksperimen

“Malah tahun lalu, 70.5 peratus dana R&D yang diperuntukkan terlalu fokus terhadap applied research berbanding 8.6 peratus untuk penyelidikan eksperimen.

“Sebab itu bermula tahun depan, kementerian akan memastikan separuh daripada dana yang diperuntukkan untuk R&D akan fokus terhadap penyelidikan eksperimen memabitkan pihak industri,” katanya. Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas menghadiri majlis penutup Kongres Teknologi, Sains dan Kejuruteraan Dunia (ESTCON) 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Teknologi Petronas (UTP), Prof Dr Mohamed Ibrahim Abd Motalib.

Mengulas lanjut, Bee Yin berkata, Singapura memperuntukkan 48.3 peratus bajet R&D negara itu untuk tujuan penyelidikan eksperimen, manakala 32.1 peratus bagi applied research.

“Jepun sebagai negara maju juga memperuntukkan 63.7 peratus daripada bajet R&D negaranya untuk penyelidikan eksperimen dan hanya 19.9 peratus bagi applied research,” katanya.

TANAM 1,000 POKOK

Peranan pokok amat penting dalam menstabilkan iklim dunia dan mengelakkan bencana alam yang boleh memberi kesan buruk kepada manusia.

Bagaimanapun, angkara kerakusan manusia itu sendiri menyebabkan banyak kawasan hijau diteroka secara berleluasa.

Sering kali dalam media massa melaporkan masalah itu yang dilihat bagaimana tiada penghujungnya.

Namun, ada pihak yang prihatin dengan masalah berkenaan dengan mengambil inisiatif untuk mempromosikan pembangunan semula kawasan hijau dan melestarikan alam sekitar menerusi program Penajaan Penanaman Pokok YTL 2018 di Sentul Park, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Kira-kira 1,000 pokok ditanam pada program berkenaan dengan kerjasama di antara Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau) dan YTL Corporation Berhad (YTL Corp) yang dirasmikan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC),

Isnaraissah Munirah Majilis.

YaHijau adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bawah MESTECC yang tujuan penubuhannya untuk mempromosi, mendidik belia mengenai kepentingan teknologi hijau dan manfaatnya terhadap kehidupan yang mapan melalui pelbagai program serta aktiviti yang dijalankan pertubuhan terbabit.

Isnaraissah Munirah berkata, kepentingan menanam pokok perlu diberi penekanan yang meluas kepada masyarakat kerana fungsinya amat penting dalam mewujudkan persekitaran alam sekitar yang mampan untuk generasi masa hadapan.

“Program ini adalah tanda sokongan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan untuk mengekalkan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan perlindungan alam sekitar di Kuala Lumpur dan negara ini.

“Yayasan Hijau Malaysia sudah memulakan program Penajaan Penanaman Pokok YTL



ISNARAISAH Munirah (tengah) merasmikan program Trees Planting Sponsorship Bersama YTL.

sejak 2016 dan menanam 18,909 pokok yang ditanam di sekitar bandar Kuala Lumpur yang disumbangkan beberapa syarikat korporat,” katanya.

Katanya, generasi muda perlu didedahkan mengenai kepentingan


menjaga alam sekitar sejak di bangku sekolah supaya mereka lebih menghargai tumbuh-tumbuhan.

Menurutnya, syarikat korporat perlu menunjukkan sokongan itu melalui bekerjasama dengan kerajaan.



KEPENTINGAN menanam pokok perlu diberi penekanan.

LAMPIRAN 4
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 20
TARIKH: 15 OGOS 2018 (RABU)



ANTARA produk yang dihasilkan menggunakan kaedah mesra alam mahupun barangan kitar semula.

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



Kesedaran teknologi hijau masih rendah

PENINGKATAN populasi penduduk dan perubahan gaya hidup rakyat Malaysia menyebabkan kadar permintaan terhadap pelbagai keperluan turut meningkat secara mendadak.

Ini termasuk penggunaan bekalan elektrik, kenderaan mahupun pembangunan menyebabkan negara semakin kekurangan sumber semula jadi.

Tanpa disedari, tindakan menebang pokok dan penerokaan tanah tanpa perancangan pembangunan membawa kesan buruk bukan sahaja kepada alam sekitar malah penduduk.

Walaupun berulang kali rakyat didedahkan dengan kepentingan memelihara dan memulihara alam semula jadi, namun agak sukar untuk mengubah gaya hidup masyarakat yang sudah terbiasa dengan budaya lama.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia), Dr. Mohd. Azman Zainul Abidin berkata, tahap kesedaran dan pengetahuan rakyat Malaysia mengenai kepentingan

teknologi hijau masa kini dilihat masih pada tahap rendah.

Jelasnya, agak sukar untuk mengubah pandangan rakyat di negara ini untuk memulakan langkah ke arah memulihara alam. Justeru itu, pihaknya perlu mengambil pendekatan yang kolektif dan efektif agar usaha ke arah *Go Green* berjaya diadaptasi di negara ini.

"Menerusi kerajaan baharu ini, kita melihat usaha ke arah melestarikan sumber semula jadi menjadi antara fokus utama apabila Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik.

"Tahun ini, kami akan memberi fokus terhadap perubahan iklim, alam sekitar dan kehidupan yang lestari dalam menjayakan agenda

teknologi hijau.

"Untuk ke arah itu, kami perlu memberi penekanan kepada perubahan iklim menerusi fokus dalam ekonomi hijau, teknologi hijau dan budaya hijau," katanya yang ditemui *Mega Sains* di Bandar Baru Bangi, Selangor baru-baru ini.

Teknologi hijau merujuk kepada pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia termasuk mengurangkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau (GHG) yang rendah atau sifar serta selamat untuk digunakan, dan menyediakan

persekitaran sihat untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui.

Tambah Mohd. Azman, GreenTech Malaysia bawah Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar ditubuhkan untuk menerajui pembangunan dan promosi teknologi hijau sebagai enjin strategik bagi pertumbuhan sosioekonomi sejajar dengan Pelan Induk Teknologi Hijau 2017-2030.

"GreenTech Malaysia mempunyai misi sebagai peneraju dalam ekonomi hijau melalui teknologi hijau dan budaya hijau selain sebagai agensi yang memperkasa teknologi hijau untuk pertumbuhan hijau dan kemampunan hijau.

"Menerusi teknologi hijau ini, pastinya dapat mengurangkan karbon monoksida daripada kenderaan dan peningkatan suhu dan gas rumah hijau iaitu gas karbon dioksida (CO₂)," jelasnya.

Justeru, GreenTech Malaysia berusaha menggalakkan rakyat Malaysia untuk mula menanam pokok supaya gas CO₂ yang dibebaskan adalah lebih baik.

Oleh itu, GreenTech Malaysia mahu dikenali dan dilihat sebagai pusat rujukan berkaitan teknologi hijau.

"Segala data berkaitan teknologi hijau boleh dirujuk di sini. Begitu juga pemain industri atau kerajaan mahupun syarikat swasta yang memerlukan data boleh dapatkannya di GreenTech Malaysia," katanya lagi.

Selain itu, demi membudayakan teknologi hijau di negara ini, GreenTech

Malaysia menyediakan stesen cas kenderaan di 150 buah stesen minyak Petronas di seluruh negara secara percuma.

Dalam pada itu, menerusi pelbagai inisiatif yang disediakan beliau yakin rakyat Malaysia akan berubah sikap ke arah *Go Green* dalam tempoh 20 tahun lagi. Demi merealisasikan, GreenTech Malaysia mencadangkan agar memberi pendidikan dan pendedahan kepada pelajar sejak di bangku sekolah rendah lagi.

"Ini kerana kanak-kanak mudah dibentuk. Apabila menjadi amalan di sekolah, di rumah, sudah pastinya proses membudayakan *Go Green* dapat dijayakan.

"Walaupun mengambil masa yang lama, saya yakin generasi akan datang pasti akan menitikberatkan kepentingan alam sekitar," katanya lagi.



DR. MOHD AZMAN ZAINUL ABIDIN mencuba kenderaan Go-Kart tanpa minyak yang merupakan inovasi oleh GreenTech Malaysia di Bandar Baru Bangi, Selangor baru-baru ini.

Mahu Budayakan teknologi hijau

MELENTUR biarlah waktu rebug. Itulah yang akan dilaksanakan oleh GreenTech Malaysia dalam memperkasa kepentingan teknologi hijau dalam kalangan rakyat negara ini.

Walaupun dilihat agak liat untuk membentuk masyarakat prihatin terhadap konsep *Go Green*, namun cabaran itu akan terus disahut agar generasi akan datang tidak menghadapi isu berkaitan tenaga dan alam sekitar.

Dr. Mohd. Azman Zainul Abidin menambah, statistik menunjukkan antara 80 hingga 85 peratus rakyat Malaysia berhijrah ke bandar, sekali gus menandakan peningkatan penggunaan ke bandar air, tenaga dan bahan mentah.

"Ini sekali gus menyebabkan pembebasan karbon dioksida (CO₂) di kawasan perindustrian seperti kilang serta pengangkutan turut meningkat.

"Sebab itu kita sedaya upaya mempromosikan kepada orang ramai mengenai kepentingan

Ini sekali gus menyebabkan pembebasan karbon dioksida (CO₂) di kawasan perindustrian seperti kilang serta pengangkutan turut meningkat.

membeli kenderaan elektrik, menaiki kenderaan awam atau berkongsi kereta.

"Dalam masa sama, kami juga ingin melihat bangunan di negara ini turut menekankan elemen hijau seperti penggunaan solar panel bagi menggantikan penggunaan elektrik bagi lampu, atau pendingin dingin.

"Walaupun agak sukar untuk mengubah cara pemikiran orang Malaysia, tetapi saya yakin, pada satu hari nanti rakyat mampu

berubah agar kemusnahan alam sekitar dan sumber asli dapat dibendung.

"Pada masa sama, dapat meningkatkan tahap kesihatan serta memelihara ekosistem," ujarnya.

Dalam usaha ke arah itu, kerajaan telah mewujudkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) bagi menggalakkan kontrak-kontrak kerajaan tertakluk kepada elemen hijau.

"Ini kerana kerajaan adalah pembeli terbesar di negara ini.

"Kami menyasarkan sebanyak 20 peratus pembelian peralatan bagi kementerian kerajaan, malah akan diberi pengecualian cukai pendapatan sehingga dua peratus.

"Sementara itu, GreenTech Malaysia turut mengeluarkan sijil MyHijau sebagai langkah untuk mempromosikan sumber dan pembelian produk serta perkhidmatan hijau di negara ini dengan matlamat untuk menggalakkan penggunaan amalan mesra alam di negara ini," jelasnya.

LAMPIRAN 4 (SAMBUNGAN)
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS): MUKA SURAT 20
TARIKH: 15 OGOS 2018 (RABU)

Persidangan bincang bidang sains, teknologi masa depan

SAINS dan teknologi mempunyai peranan yang sangat penting dalam memacu negara ke arah kemajuan dari segi ekonomi, sosial mahupun peradaban.

Disebabkan itu, bidang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sentiasa menjadi keutamaan kepada negara melalui pelbagai program yang diadakan oleh agensi kerajaan mahu pun syarikat swasta.

Meneruskan tradisinya, Pusat Permata Pintar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengadakan persidangan saintis masa depan yang ketujuh baru-baru ini untuk memberi peluang kepada generasi muda menonjolkan bakat dalam bidang sains dan teknologi.

Menurut Pengarah Pusat Permata Pintar, **Prof. Datuk Dr. Noriah Mohd. Ishak**, persidangan kali ini mendedahkan kira-kira 200 pelajar dari sekolah harian dan

asrama penuh dalam pelbagai disiplin tentang saintis masa depan.

Katanya, sebanyak 33 kumpulan telah membentangkan hasil kajian masing-masing termasuk satu kumpulan dari Sekolah Tinggi Shibata, Jepun.

"Objektif utama kita ialah untuk meningkatkan pengetahuan anak-anak ini serta rasa ingin tahu dalam bidang STEM dan sains sosial supaya sains teknologi terus berkembang di negara ini."

"Kali ini mereka membentangkan kajian mereka dan juga prototaip yang telah mereka sediakan," ujarnya.

Tambah Dr. Noriah, berkemungkinan prototaip yang berpotensi dimajukan akan dilakukan kajian lebih mendalam oleh saintis sedia ada untuk dikembangkan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa



NORIAH MOHD ISHAK



MOHD MARZUKI MUSTAFA



DR. MOHD MARZUKI MUSTAFA (duduk, dua dari kiri) dan **Dr Noriah Mohd Ishak** (duduk, kiri) bersama sebahagian tenaga pengajar dan pelajar Pusat Permata Pintar Negara UKM selepas majlis pelancaran Persidangan Antarabangsa Saintis Masa Depan 2018 di Bangi, Selangor baru-baru ini.

UKM, **Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Marzuki Mustafa** menjelaskan, fokus persidangan bukan pada penghasilan produk sahaja, tetapi lebih kepada

pembangunan cara pemikiran pelajar.

"Kita mahu cara pemikiran kritis, cara mereka menjana idea dan mengembangkan proses

kajian, bukan semata-mata produk.

"Dengan tema kali ini *Memperkasa Saintis Muda*, platform ini diharap

memberikan banyak manfaat kepada para pelajar, menjadi tempat menjalinkan kerjasama dalam kalangan Generasi Z ini," jelasnya.

SIRIM, Go Auto jalin usaha sama bidang automotif

➔ Kerjasama jangka panjang
babit pembangunan produk,
teknologi, tenaga manusia

Oleh Iskandar Shah
Mohamed dan Azzman
Abdul Jamal
bhbiz@nstp.com.my

Pengedar kenderaan utiliti sukan (SUV) Haval di Malaysia, Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd (Go Auto) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan SIRIM Berhad (SIRIM) bagi menjalin kerjasama strategik dalam bidang automotif.

Kerjasama jangka masa panjang itu merangkumi pembangunan dan peningkatan produk, teknologi, tenaga manusia dan pasaran atau industri.

Ia termasuk membabitkan pengeluaran kenderaan elektrik

(EV) selain pembangunan kapasiti bateri dan Internet Segalanya (IoT) bagi kenderaan di negara ini.

Kongsi kepakaran, teknologi

Pengarah Eksekutif Go Auto Group, Datuk SM Azli SM Nasimuddin, berkata kerjasama itu membantu pihaknya memperoleh akses kepada kemudahan penyelidikan SIRIM.

"Kita akan berkongsi kepakaran teknikal, pemindahan teknologi dan latihan teknikal bagi melaksanakan projek atau produk berkaitan automotif."

"Go Auto teruja menjalinkan kerjasama bersama SIRIM yang berpengalaman dan berkepakaran lebih 40 tahun dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi negara."



SM Azli (tiga dari kanan) dan Ahmad Fadzil (dua dari kanan) melihat bateri yang digunakan pada bas elektrik selepas majlis menandatangani MoU antara Go Auto dan SIRIM di Shah Alam, semalam.

"Kelebihan SIRIM dalam bidang penyelidikan dan pembangunan selain memastikan standard dan kualiti industri menjadikan mereka rakan kongsi terbaik bagi syarikat kami," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menandatangani MoU itu bersama Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani di Bangunan SIRIM di Shah Alam, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Eksekutif Go Auto, Wan Ahmad Wan Omar dan Naib Presiden (Penyelidikan Perindustrian) SIRIM, Dr Mohamad Jamil Sulaiman.

Kerjasama selaras NAP

SM Azli berkata, pengilangan Go Auto berupaya memenuhi keper-

luan pengawalseliaan dan pasaran, sekali gus mengurangkan pengeluaran serta kos penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Kerjasama ini turut selaras dengan Dasar Automotif Kebangsaan (NAP), iaitu menghasilkan produk yang memenuhi piawaian dan kepaduan antara-bangsa."

"SIRIM mempunyai rekod prestasi yang membolehkan produk dan perkhidmatan Malaysia mencapai pengiktirafan di seluruh dunia dari segi kualiti dan inovasi," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pelaksanaan projek kereta nasional ketiga diyakini akan memulihkan status kenderaan buatan tempatan sekiranya memanfaatkan penggunaan teknologi hijau.

Projek kereta nasional ketiga

Katanya, idea yang dicetuskan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu mampu mendorong industri tempatan untuk kekal bersaing di pasaran automotif, di samping menawarkan peluang pekerjaan lebih banyak.

"Pada pandangan saya, ia adalah idea yang bagus. Sebelum ini, seramai 500,000 pekerja dan perintis industri dilahirkan menerusi PROTON dan saya rasa Tun (Dr Mahathir) melihat kepada manfaat seperti ini."

"Malah, industri automotif mempunyai rangkaian bekalan yang besar dan menerusi inisiatif ini, mungkin kita akan lihat pemulihan kereta nasional dengan penggunaan teknologi baharu," katanya.

GAM, Sirim seal tie-up

KUALA LUMPUR: Go Automobile Manufacturing Sdn Bhd (GAM) and Sirim Bhd have signed a memorandum of understanding to form a long-term strategic collaboration and partnership.

In a joint statement yesterday, GAM and Sirim said the collaboration would encompass the development and improvement of products, technology, people and the industry.

It would also allow GAM access to Sirim's research facilities while cooperation in technical expertise, technology transfer and technical training, enabling them to execute projects or products.

The rationalisation of the collaboration is expected to be completed within two years of the signing.

"Our manufacturing will be able to meet regulatory and market requirements while indirectly enabling us to reduce our production and research

and development costs," said Go Auto Group executive director Datuk SM Azli SM Nasimuddin Kamal.

GAM is the group's manufacturing arm.

He added that the collaboration was also in line with the National Automotive Policy, which aimed to come up with products that meet international standards and requirements.

